

16/01/2001

Projek Bakun ikut cadangan asal masih dikaji

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan masih mengkaji sama ada projek hidro elektrik Bakun yang akan dipulihkan semula, diteruskan mengikut cadangan asal dengan keupayaan menjana 2,400 megawatt (MW) tenaga elektrik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita masih mengkajinya," kata Perdana Menteri ketika mengulas permintaan kerajaan Sarawak supaya projek Bakun dibina mengikut keupayaan asal.

Dr Mahathir berkata, Kerajaan Pusat akan membuat keputusan itu bila tiba masanya.

Terdahulu, Dr Mahathir menghadiri sambutan Aidilfitri anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Minggu lalu, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dipetik sebagai berkata, beliau merasakan projek Bakun patut dipulihkan mengikut saiz asal tetapi persoalan pembiayaan menjadi antara halangan pelaksanaan itu.

Oktober lalu, Dr Mahathir mengesahkan bahawa projek di Belaga, Sarawak itu akan diteruskan.

Projek empangan elektrik hidro Bakun ditangguhkan ketika kegawatan ekonomi dan diambil alih Menteri Kewangan Diperbadan daripada Bakun Hydroelectric Corporation Bhd (BHC) pada 10 Ogos 1999.

Projek itu kemudian dikecilkan keupayaan kepada hanya 500 MW dengan anggaran kos RM5 bilion berbanding keupayaan asal 2,400 MW dan perbelanjaan RM13.5 bilion, termasuk pembinaan kabel dasar laut dari Sarawak ke Semenanjung.

Kerja pembinaan tiga terowong utama projek empangan elektrik hidro Bakun di wilayah tengah Sarawak, sudah siap dan dijangka diserahkan kepada kerajaan selewat-lewatnya, akhir April ini.

Ketika ini, pemaaju projek berkenaan, Dong Ah Construction dalam proses menyiapkan kerja akhir pembinaan struktur luaran ketiga-tiga terowong itu.

Spekulasi bahawa projek Bakun akan diteruskan pada keupayaan sepenuhnya mendorong peningkatan harga saham syarikat yang dikuasai oleh Tan Sri Ting Pek Khiing, yang memiliki BHC.

(END)